

Masih mahu terus berbakti

Joi Cheong sudah 40 tahun berkhidmat sebagai jurugambar diraja

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Bergelar jurugambar diraja bukan mudah seperti disangka, debaran dan kebimbangan setiap kali merakamkan gambar pasti tersemat biarpun lebih 40 tahun berkhidmat dengan kerabat diraja Kedah.

Cheow Joi Cheong, 60, masih berkhidmat sehingga kini kerana minatnya yang mendalam dalam dunia fotografi, selain mahu terus berbakti kepada Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff.

Joi Cheong mulakan kerjayanya seawal usia 20-an, bijak menggabungkan kemahiran dan teknik merakam posisi terbaik untuk tatapan baginda berdua. Hasilnya diilustrasikan menerusi potret yang memberi kepuasan kepada dirinya, apabila gambar dihasilkan memuaskan.

Merakamkan peristiwa bersejarah negeri mahupun acara tidak rasmi baginda, antara tugas Joi Cheong yang perlu mengabadikan kenangan itu dalam bentuk gambar.

"Sultan Sallehuddin tidak cerewet dan sentiasa berpuas hati dengan hasil karya saya, Tuanku mudah memberi kerjasama yang diperlukan ketika sesi fotografi. Tuanku sudah biasa jadi tak ada masalah untuk rakamkan gambar terbaik," katanya, ketika ditemui di kedai gambar miliknya, Joi Foto Digital, di Jalan Tunku Ibrahim.

Mesra dengan panggilan 'Ah Joi' kalangan kerabat diraja Kedah, dia tetap menjaga adab dan tertib apabila berdepan dengan baginda berdua walaupun sudah lama berkhidmat.

"Pertama kali saya adakan sesi fotografi bersama Sultan Sallehuddin ketika baginda dilantik sebagai Tunku Temenggong Kedah. Antara pengalaman manis, ketika sesi bergambar pakaian istiadat, ia mengambil masa agak lama. Tuanku arahkan petugas Istana sediakan minum-



Gambar dirakamkan Joi Cheong ini antara gambar kegemaran baginda berdua.



Joi Cheong menunjukkan potret baginda ketika pertama kali mengadakan sesi fotografi.

an sementara saya menunggu. Saya haru dan gembira atas keprihatinan baginda," katanya.

Menurutnya, beliau sentiasa berhati-hati ketika bercakap dengan Sultan Sallehuddin, bimbang tanpa sengaja mengugris kata atau terkasar bahasa.

"Saya perlukan masa sejam untuk sesi

fotografi, 30 minit untuk sediakan peralatan. Selebihnya untuk rakamkan gambar. Bila siap sedia, saya akan cakap 'senyum manis-manis Tuanku, pandang kamera', Tuanku pun sudah biasa dan berikan kerjasama," katanya.

Joi Cheong berkata, gambar yang dicetak dipersembahkan kepada baginda dan baginda sentiasa berpuas hati dengan hasilnya.

"Tidak pernah baginda minta saya buat semula sesi fotografi, baginda akan senyum dan gembira," katanya.

Menurutnya, keperibadian baginda tidak jauh bezanya dengan Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

"Ketika bertitah, kedua-dua baginda begitu lemah lembut, walaupun seorang yang tegas. Suara baginda berdua juga hampir sama dan tertib ketika bertitah," katanya.

Sanggup panjat tangga demi gambar terbaik

Pengalaman paling berharga dan tidak akan dilupakan adalah ketika merakamkan gambar sekitar hari pertabalan Sultan Sallehuddin, 22 Oktober lalu.

"Saya dibantu anak lelaki, Cheow Khai Chii membawa tangga kerana

mahu rakam gambar terbaik ketika Sultan Sallehuddin dan Sultanah Maliha diarak dengan Bahtera Layang Emas," katanya.

Menurutnya, bahtera sepanjang 25 meter dengan ketinggian lima meter itu menyukarkan jurugambar merakamkan wajah baginda pada sudut terbaik dan beliau harus memikirkan kaedah paling mudah.

"Saya guna tangga agar kamera berada pada paras mata baginda untuk gambar yang sempurna. Saya perlu panjat lima anak tangga. Tangga itu dibawa anak dari Wisma Darul Aman hingga ke Muzium Negeri," katanya.

Agak melucukan ketika diimbangi kembali, katanya, namun itulah pengalaman paling manis buatnya.

"Saya dapat dengar titah Sultanah Maliha yang nampak saya guna tangga ketika itu dengan berbaju Melayu lengkap bersampin. Sultanah Maliha titah, 'Ah Joi mari pakai suit' dan Sultan Sallehuddin menoleh ke arah saya.

Ketika itulah, saya dapat rakamkan wajah baginda berdua pada sudut terbaik. Jika tidak, wajah Sultan Sallehuddin hanya kelihatan sisi kerana melambai rakyat di sebelah kanan," katanya.



Joi Cheong bersama Isteri, Chong Kim Chow melihat gambar yang paling disukai mereka.



Bersama sebahagian koleksi gambar yang dirakamkan.

Sultan Sallehuddin pencinta haiwan

Baginda sangat menyayangi haiwan terutama kucing dan burung

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Menyayangi haiwan, meminati sejarah dan menggemari makanan sayur keladi adalah antara kesukaan Sultan Kedah Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah.

Ketua Istana Anak Bukit, Rahayu Abd Rahman berkata, baginda sangat menyayangi haiwan sejak kecil terutamanya kucing dan burung.

"Kecintaan Tuanku terhadap kucing dizahirkan dengan bilangan kucing peliharaan baginda. Di rumah sahaja, baginda memiliki kira-kira 19 ekor kucing yang rata-ratanya kucing jalanan.



RAHAYU

Itupun belum termasuk kucing baginda yang ada di istana, memang banyak.

"Apabila melihat kucing jalanan, baginda tak sampai hati dan tidak akan biarkan begitu sahaja. Tuanku akan bawa kucing jalanan itu pulang dan diberi makan. Adakalanya, baginda juga akan meluangkan masa berbual dengan seekor kucing dikenali sebagai Putih," katanya kepada Sinar Harian.

Lebih menakjubkan, kata beliau, kucing peliharaan beliau, kucing peliharaan yang amat manja dengan Tuanku itu amat mendengar kata-kata baginda, seakan-akan memahami percakapan



Penjaga Zoo, Ahmad Zamri Jaafar menunjukkan burung kesayangan Tuanku, iaitu Pinky.

Sultan Sallehuddin.

"Apabila Tuanku kata, Putih mai sini, terus kucing tu ikut kata-kata baginda dan duduk di tempat dikatakan baginda. Memang, Putih dengar cakap Tuanku," katanya.

Rahayu berkata, apabila berkelapangan, Tuanku akan luangkan masa dengan hobinya itu dan akan melawat Mini Zoo seluas 2.43 hektar di Istana Anak Bukit yang me-

nempatkan pelbagai haiwan.

Beliau berkata, Mini Zoo terbabit turut menempatkan burung kakak tua kesayangan Sultan Sallehuddin dikenali dengan nama Pinky.

Malah, katanya, baginda turut menyayangi seekor mawas betina milik Almarhum Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang dikenali sebagai Melati.

Rahayu berkata, Sultan

Sallehuddin turut mempunyai minat mendalam terhadap buku ilmiah terutamanya berkaitan sejarah yang diletakkan di ruang khas baginda.

"Sebutlah apapun berkaitan hal sejarah sekalipun, semuanya ada dalam minda baginda terutamanya sejarah Kedah. Jikalau berbicara bab sejarah, orang-orang mahir bab sejarah pun kalah dengan baginda," katanya.

info

Tuanku memiliki Mini Zoo seluas 2.43 hektar di Istana Anak Bukit yang menempatkan pelbagai haiwan

Katanya, Tuanku sentiasa akan memanfaatkan masa lapangnya dengan membaca bahan bacaan ilmiah milik baginda setiap kali memiliki masa terluang.

"Menyentuh bab makanan kegemaran Tuanku, baginda amat mengemari makanan kampung seperti sayur keladi, pucuk paku dan masak lemak.

"Tapi, paling disukai baginda adalah sayur keladi dan daging-rendang. Lauk itu akan sentiasa ada setiap kali baginda bersantap," katanya.

Katanya, baginda tidak cerewet dalam pemilihan makanan, bagaimanapun ada beberapa makanan tidak dimakan kerana Tuanku menjaga permaisuri.

Banting raksasa tanda rakyat kasih terhadap Sultan Kedah

KUALA NERANG - Tanda kasih kepada raja, penduduk Padang Terap berjaya mengumpul dana RM2,600 untuk membuat banting gergasi sempena hari keputeraan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah yang ke-77 hari ini.

Dana itu dikumpul melalui tiga wakil kaum iaitu Melayu, Cina dan Siam yang menetap di daerah itu dan banting berkenaan dipasang di Wisma OKC berdepan Masjid Mu'adzam Shah di tengah Pekan Kuala Nerang.

Wakil dari kaum Melayu, Mohd Zharif Mohd Zuhdi, 32, berkata, rakyat di daerah Padang Terap tidak mahu ketinggalan meraikan hari keputeraan Sultan Sallehuddin yang berjiwa rakyat.

"Banting raksasa ini adalah tanda kasih kami kepada Sultan Kedah kerana raja dan rakyat di negeri ini berpisah tiada. Kami sepakat membuatnya dengan mengumpul dana dari tiga kaum majoriti di daerah Padang Terap kerana masih belum ada banting seumpama itu di daerah ini," ka-



Banting raksasa yang dipasang oleh penduduk Padang Terap di tengah pekan Kuala Nerang.

tanya ketika ditemui dekat sini.

Menurutnya, sebagai generasi muda beliau akui teruja malah usaha itu juga melambangkan perpaduan dan kesepakatan semua kaum yang tinggal di daerah tersebut.

Sementara itu, wakil bagi kaum Cina pula, Ong Keen Tong, 53 berkata, idea untuk mengantung banting raksasa tersebut timbul selepas melihat hanya ada banting-banting kecil di sekitar Pekan Kuala Nerang.

"Hari ini kita mahu buat 'special' sikitlah, buat lain daripada yang lain. Perkara ini juga adalah sebagai tanda ketaatan orang Padang Terap terhadap tuanku kita ini," katanya.

Tambahnya, beliau juga berha-



MOHD ZHARIF

rap banting berukuran 12MX5M itu akan menambah rasa cinta dan taat setia semua kaum penduduk Padang Terap terhadap Sultan Sallehuddin.

Bagi wakil kaum Siam, Kim Fong Kiat, 50, berharap usaha mereka itu akan jadi contoh kepada daerah-daerah lain di negeri ini pada masa hadapan.

"Apa yang kami lakukan ini adalah demi kesetiaan kepada raja-raja bersama masyarakat pelbagai bangsa di daerah ini," katanya.